

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
19 SEPTEMBER 2023**

**1. PELANTIKAN DUA (2) ORANG PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik dua (2) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkuatkuasa 4 September 2023. Kedua-dua pegawai tersebut adalah Encik Mohd Sharizal bin Fathil sebagai Arkitek (J41) di Jabatan Bangunan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Seni Bina dari Universiti Sains Malaysia dan berpengalaman sebagai Projek Arkitek di syarikat swasta.

Manakala seorang lagi pegawai P&P yang baru dilantik adalah Encik Nur Mushawwir Hrsikesa bin Thaitchana Muruthi sebagai Pegawai Perancang Bandar Dan Desa (J41) Di Jabatan Landskap. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perancangan dari Universiti Sains Malaysia dan berpengalaman sebagai Pegawai Pembangunan Ekonomi Berasaskan Budaya di syarikat swasta.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik - baiknya.

2. UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA AHLI MAJLIS

Dimaklumkan bahawa tempoh perkhidmatan Ahli Majlis MBSP yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 Januari 2023 sehingga 31 Ogos 2023. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan bahawa tempoh pelantikan dilanjutkan sehingga 30 September 2023.

Oleh yang demikian, MSBP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan tuan / puan sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP.

Kerjasama dan komitmen yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan tuan / puan amatlah dihargai.

3. PERTANDINGAN REKABENTUK PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM

Pertandingan Rekabentuk Pasar Awam Bukit Mertajam adalah pertandingan yang dianjurkan melalui MoU oleh Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) bersama MBSP. Pendaftaran bagi penyertaan

pertandingan ini telah dibuka pada 1 September 2023 dan akan ditutup pada 25 September 2023. Bayaran penyertaan adalah sebanyak RM371 bagi setiap penyertaan. Hadiah wang tunai yang ditawarkan kepada pemenang adalah seperti berikut :

- i. Tempat pertama : RM35,000.00
- ii. Tempat kedua : RM25,000.00
- iii. Tempat ketiga : RM15,000.00
- iv. Tujuh (7) hadiah saguhati bernilai RM2,000 (setiap pemenang)

Borang penyertaan boleh dimuat turun daripada website PAM
www.pam.org.my

4. PENGANJURAN PROGRAM 'DIGITAL@SEBERANGPERAI'

Majlis Bandaraya Seberang Perai(MBSP) akan menganjurkan Program 'Digital@SeberangPerai' pada 30 September 2023 (Sabtu) jam 9:00 Pagi – 5:00 Petang bertempat di Pasaraya C-Mart Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.

Program 'Digital@SeberangPerai' merupakan satu program yang memberi pendedahan kepada komuniti atau penduduk Seberang Perai tentang teknologi digital yang terdapat di Pulau Pinang.

Program Digital@SeberangPerai pada tahun ini akan melibatkan penyertaan daripada lapan (8) jabatan dalaman MBSP serta 10 agensi kerajaan dan swasta iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, *Penang Digital Library* (PDL), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Akauntan Negera, Digital Penang, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Indah *Water Konsortium* Sdn. Bhd., dan *Cytron Technologies* Sdn. Bhd. Sebanyak 23 booth perkhidmatan/pameran dan sebuah bas (kaunter bergerak) di sediakan.

Pengunjung boleh mendapatkan khidmat nasihat, membuat semakan dan bayaran secara atas talian serta boleh mendapatkan pengurangan kompaun MBSP semasa program berlangsung kecuali kesalahan meletak kenderaan di petak Orang Kurang Upaya (OKU) dan meletak kenderaan di petak Ibu Mengandung.

Di samping itu, pelbagai aktiviti turut dilaksanakan iaitu pameran *booth*, permainan kanak-kanak ('Mailah Main' – pemasangan *2D Puzzle* dan *3D Puzzle*), penampilan maskot (Optimus Prime dan

Bumblebee), penerangan ringkas berkaitan pameran/perkhidmatan yang ditawarkan, Klik dengan Bijak :Keselamatan Dalam Talian bersama MCMC serta Taklimat Rahsia Bersara Selesa oleh KWSP dan Cabutan Bertuah sebanyak 20 unit.

Oleh itu, dijemput seluruh penduduk Seberang Perai beramai-ramai hadir ke Program Digital@SeberangPerai.

5. SEBERANG PERAI INTERNATIONAL CONFERENCE ON ECOTOURISM AND CONSERVATION EFFORTS (SPICEC) 2023

Bersempena penganjuran *Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts (SPICEC) 2023* yang bertemakan “*The Power & Aspiration of Rivers*”. Program SPICEC ini akan diadakan dari 4 Oktober hingga 5 Oktober 2023, bertempat di The Light hotel, Seberang Jaya yang akan dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang, Tun Dato’ Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak dan Yang Berhormat Menteri Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) .

6. RIVER MARATHON EXPLORACE

Sempena Program SPICEC 2023, *River Marathon Explorace* akan diadakan pada 30 September 2023. Ianya merupakan sebuah program *treasure hunt* yang julung kali diadakan dengan menekankan eksplorasi sepanjang sungai-sungai di Seberang Perai bagi memberi pendedahan kepada para peserta mengenali sungai-sungai di Seberang Perai.

7. PROGRAM FELLOWSHIP RIDE

Selain itu, Program Fellowship Ride yang diadakan pada 1 Oktober 2023 merangkumi 100KM dan 32KM jarak kayuhan dengan merentasi kawasan-kawasan di Seberang Perai sambil menikmati permandangan indah sepanjang perjalanan.

8. SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2023

Jabatan Landskap, MBSP turut mengambil bahagian dalam penganjuran Sambutan Hari Landskap Negara peringkat Negeri Pulau Pinang 2023 pada 2 Oktober 2023 di Kawasan Lapang Persiaran Seksyen 3/9 Taman Bertam Putera, Kepala Batas, SPU

serta akan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua
Negeri Pulau Pinang.

SEKIAN, TERIMA KASIH.